




LAPORAN LIPUTAN MEDIA

RABU / 28 FEBRUARI 2024



Disediakan Oleh :
Cawangan Komunikasi Korporat

TAJUK BERITA




1. BERAPA HARGA IDEAL BERAS - UTUSAN MALAYSIA

2. TINGKAT JAMINAN MAKANAN NEGARA - SINAR HARIAN

RABU 28 FEBRUARI 2024 18 SYAABAN 1445

BIL 51 TAHUN KE-57

PP19527/09/2019 (035121)


 UTUSANONLINE

WWW.UTUSAN.COM.MY



RM2

**Sultan Selangor:
Pembangunan
tergendala jika
penjawat
awam malas,
lalai »6**



PEMIKIRAN BAHARU

Utusan Malaysia

**Lihat impak dana kepada bumiputera,
bukan bincang bantuan belum sampai »7**

**Ringgit: BNM minta GLIC, GLC
tingkat aliran masuk ke pasaran »35**

- RM28, RM30 atau RM35 bagi setiap 10kg
- Beri keadilan kepada semua pihak

Berapa harga ideal beras?

Oleh **MUHAMAD AIMY AHMAD**
dan **MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB**
utusannews@mediamulia.com.my

ARAU: Harga baharu beras putih Malaysia Madani dan import perlu ditetapkan pada paras yang ideal bagi memastikan tidak ada yang terjejas dan memberi keadilan kepada semua pihak.

Antara harga yang dicadangkan ialah RM30 dan RM35 bagi

setiap 10 kilogram (kg) dan harga tersebut dianggap realistik dalam usaha menstabilkan pasaran makanan ruji negara itu.

Selain itu, cadangan harga tersebut juga dilihat memberi situasi menang-menang kepada pengilang dan pesawah yang terus terkesan dengan kos operasi penanaman padi yang meningkat.

Beras putih tempatan di pasaran sekarang ini dijual pada har-

ga RM28 dan RM42 untuk beras import bagi setiap 10kg, dan julat harga jualan beras tempatan dan import yang agak jauh ini dibimbangi berlaku penipuan dan manipulasi beras.

Pengerusi Badan Bertindak Petani MADA, Che Ani Mat Zain berkata, jika harga beras putih Malaysia Madani dijual RM30, ia dilihat sesuai untuk permulaan di samping mampu mem-

bantu pesawah.

"Kita sambut baik kalau kerajaan naikkan beras tempatan dari harga lantai RM2.60 setiap kg kepada RM3 kerana sudah 18 tahun tiada perubahan harga.

"Sedangkan kos input tanaman padi sudah meningkat antaranya benih padi, baja, racun dan sebagainya yang menyebabkan pesawah terpaksa tanggung risiko serta pendapatan terjejas.

"Walaupun pengguna atau ada pihak tidak setuju, harap mereka faham kerana pendapatan pesawah amat terjejas dengan kenaikan kos mendadak sejak beberapa tahun lepas. Jadi kalau naik dari RM26 ke RM30 bagi kimpit 10kg itu sangat munasabah untuk permulaan," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Bersambung di muka 3

Berapa harga ideal beras?

Dari muka 1

Semalam, Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim) mencadangkan beras putih Malaysia Madani bagi 10kg dijual pada harga bawah RM25.50 atau tidak melebihi RM26 supaya pelaksanaan program itu benar-benar membantu rakyat ketika kenaikan kos sara hidup.

Presidennya, Ismail Awang berkata, ia boleh dilaksanakan dengan cara harga beras tempatan RM2,250 satu metrik tan dan 80 peratus daripada jumlah itu atau RM1,800 ditanggung oleh pemborong beras.

Mengulas lanjut, Che Ani berkata, kenaikan harga beras tersebut diharapkan dapat menamatkan krisis beras tempatan yang kini sukar diperolehi di pasaran sejak pertengahan

tahun lalu.

“Kita harap bila naikkan harga itu akan selesaikan satu masalah bekalan kerana selama ini pun sebahagian besar pengguna sudah membelanjakan wang lebih untuk membeli beras import berharga kira-kira RM40 kerana tiada beras tempatan.

“Justeru apa guna lagi hendak pertahankan harga lantai RM2.60 setiap kg kalau bekalan susah hendak dapat di pasaran,” katanya.

Sementara itu, bagi golongan pesawah pula, mereka mencadangkan agar beras putih Malaysia Madani dan import bagi berat 10 kilogram diselaraskan kepada RM35.

Melalui harga berkenaan, pesawah memaklumkan harga belian padi tidak mustahil boleh mencecah RM1,800 sehingga

RM1,900 per tan dengan termasuk subsidi, mereka boleh menjana pendapatan sehingga RM2,400 sekali gus memberi sedikit ‘nafas’ kepada mereka.

Dalam masa sama, pesawah juga berharap pengguna memahami situasi semasa dengan menerima harga berkenaan memandangkan sudah 18 tahun harga beras tidak pernah naik.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, seorang pesawah, Mohd. Noor Hashim, 60, berkata, kadar RM35 bagi berat 10 kilogram itu dilihat relevan dengan situasi semasa memandangkan kos mengusahakan sawah terus meningkat.

Katanya, jika beras Madani dijual pada harga RM25 atau RM26 maka harga belian padi akan turun seperti biasa sekitar RM1,300.

Justeru, katanya, golongan pesawah antara yang paling terkesan teruk jika harga beras masih terlalu rendah dan pihak kilang tidak mampu membeli padi pada harga lebih tinggi.

“Sekarang ini kenaikan kos tinggi, bagi tanaman di kawasan seluas satu hektar sekurang-kurangnya menelan kos RM5,000 berbanding dahulu sekitar RM3,000 ke RM4,000. Sebelum ini, harga racun rumput contohnya, sekitar RM50 meningkat kepada RM99 sebelum turun sedikit kepada RM70.

“Upah menuai padi juga meningkat daripada RM100 serelong kepada RM150. Jadi, jika harga beras terlalu rendah, pengilang tidak mampu beli padi dengan harga lebih tinggi sekali gus memberi kesan kepada pesawah,” katanya.

Tingkat jaminan makanan negara

Usaha syarikat pemula tempatan cipta penyelesaian inovasi, teknologi

Oleh DIANA AZIS

Pembangunan usahawan pemula adalah penting bagi visi Malaysia untuk berada dalam kalangan 20 negara utama ekosistem syarikat pemula global menjelang 2030, serta menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab syarikat pemula dan industri digital serantau.

Agensi berkaitan, organisasi dan syarikat korporat tempatan turut memperkenalkan pelbagai program, platform, langkah dan inisiatif bagi memastikan kesan positif kepada pembangunan ekosistem syarikat pemula dalam negara.

Perkembangan positif hasil usaha ini dapat dilihat apabila syarikat-syarikat pemula tempatan berani tampil ke hadapan untuk menyahut cabaran dalam era digital dengan menawarkan pelbagai penyelesaian inovatif dan komersial, yang turut berupaya membantu menangani isu-isu yang dihadapi oleh negara.

Antaranya adalah tiga syarikat pemula bumputera agroteknologi tempatan yang kini tampil menyediakan penyelesaian inovatif bagi menangani cabaran

perubahan iklim untuk ketenteraman makanan di Malaysia.

Syarikat-syarikat pemula ini, khususnya Braintree Technologies Sdn Bhd (Braintree), Kapitani Sdn Bhd (Kapitani) dan AgriData Portal Sdn Bhd (AgriData) juga adalah pemenang geran Cabaran Inovasi Impak Khazanah (KIIC 2023) yang dianjurkan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah Nasional).

KIIC 2023 menarik penglibatan syarikat pemula agrimakanan dan PMKS yang inovatif untuk menangani secara aktif permasalahan yang berpunca daripada perubahan iklim terhadap sektor agrimakanan. Sebagai pemenang geran KIIC 2023, Braintree dan Kapitani menerima geran sehingga RM500,000 manakala AgriData menerima geran sehingga RM400,000.

Pada 2022, Malaysia berada di tangga ke-41 daripada 113 buah negara yang dinilai dari segi ketenteraman makanan di bawah Indeks Ketenteraman Makanan Global (GFSI).

Skor Malaysia yang rendah dalam metrik kemampuan dan penyesuaian GFSI menekankan keperluan untuk mencari penyelesaian inovatif bagi menangani cabaran berkaitan perubahan iklim dalam industri agrimakanan.

Selari dengan ini, wujud kepentingan yang semakin meningkat terhadap ketenteraman makanan dan penekanan kerajaan terhadap pemeraksanaan pemagaan, bagi membolehkan syarikat-syarikat tempatan untuk turut serta dalam usaha menajani penyelesaian.



Jentera penabur baja kelapa sawit yang dibangunkan oleh Braintree.



Aplikasi yang dibangunkan Kapitani membantu pihak berkepentingan membuat keputusan berasaskan maklumat yang tepat dan lengkap.

INFINITY 01

kurangan tenaga buruh

Bagi Braintree, yang beribu pejabat di Bandar Baru Bangi, teknologi merupakan kunci utama kepada kejayaan sesebuah industri.

Atas prinsip tersebut, Braintree yang diasaskan oleh Arif Makhdzir, 37, selaku Ketua Pegawai Eksekutif telah berjaya melahirkan inovasi INFINITY 01, iaitu jentera penabur baja kelapa sawit sebagai alternatif kepada pemain industri dalam meningkatkan kecekapan operasi di samping menangani kekurangan tenaga buruh.

Arif yang merantau selama tujuh tahun di Kanada dan bekerja sebagai Jurutera Perisian memberitahu, INFINITY 01 merupakan robot pandu sendiri yang mampu menjadi pekerja yang fleksibel dan serba boleh serta melakukan pelbagai jenis tugas sekali gus membantu pemain industri menangani ketidakpastian dalam sektor komoditi itu terutamanya ketika pasca Covid-19.

"Kami (Braintree) bermula dengan aktiviti membaja dan robot berkenaan akan mengubah cara kerja dan ia boleh dikawal menggunakan telefon bimbit.

"Kami memilih untuk membangunkan teknologi khusus untuk kelapa sawit bagi mencipta satu alternatif baharu yang mampu memberi impak tinggi, sekali gus memanfaatkan teknologi robotik dalam revolusi pertanian negara."

katanya kepada Sinar Harian baru-baru ini.

Braintree yang memfokuskan bidang teknologi robotik dan kecerdasan buatan (AI) sejak tahun 2018 memerlukan dana yang besar untuk membangunkan rangkaian produk teknologi untuk kegunaan industri perladangan.

"Dengan geran yang diperolehi menerusi KIIC 2023, ia membantu kami melanjutkan usaha menghasilkan produk-produk dan AI lain dalam merjamin sekuriti makanan dalam negara," ujarnya.

Aplikasi TaniOS, Analitik dan TaniPASAR

Sementara itu, tiga aplikasi pintar iaitu TaniOS, Analitik dan TaniPASAR memiliki potensi besar yang mampu meningkatkan kecekapan pengurusan aktiviti sektor pertanian dan memastikan jaminan bekalan makanan dalam negara.

Dibangunkan oleh Kapitani, yang beribu pejabat di Subang Jaya, aplikasi itu merupakan alternatif bagi membantu meningkatkan produktiviti dan taraf hidup petani melalui keterangkuman kewangan serta penyelesaian berasaskan teknologi.

"Kami (Kapitani) berusaha memperkasakan petani tempatan dengan akses terbuka kepada sumber kewangan, teknologi serta platform pertanian digital yang boleh menangani jurang kewangan teknologi.

"Matlamat kami adalah menghidupkan semula industri

pertanian dan mengubahnya menjadi sektor yang menawarkan peluang pekerjaan dan memberi manfaat ekonomi, sekali gus meningkatkan keselamatan makanan," kata Pengasas bersama Kapitani, M Nazrul Hazeri Nazrimuddin.

Mengulas mengenai platform digital berkenaan, Nazrul Hazeri menjelaskan, tiga aplikasi tersebut membolehkan petani mengakses maklumat pasaran, hubungan dengan pembeli selain mendapatkan pembiayaan untuk memperingkatkan pendapatan.

Di samping itu katanya, aplikasi tersebut menyediakan

pihak berkepentingan dengan data yang diyakini dalam membuat keputusan berasaskan maklumat yang tepat dan lengkap.

Secara spesifiknya, TaniOS dan Analitik merupakan aplikasi berasaskan web untuk pengurusan ladang, perancangan, penyimpanan rekod dan Skim Penjualan Amanah Pertanian Baik Malaysia (myGAP).

Sementara itu, aplikasi TaniPASAR pula merupakan padanan pasaran antara pengguna dan petani.

Dalam pada itu, Nazrul Hazeri merancang untuk memanfaatkan geran KIIC 2023 daripada Khazanah Nasional bagi memperingkatkan keupayaan aplikasi yang sedia ada di samping melaksanakan pemasaran serta promosi.

"Kapitani akan mendapatkan maklumat daripada pengguna sedia ada dan bakal pengguna untuk memastikan aplikasi dan

platform berkenaan memenuhi keperluan serta kehendak mereka," ujarnya yang turut memberitahu pihaknya sedang bekerjasama dengan kerajaan Melaka bagi menguji keberkesanan dan kebolegunaan aplikasi berkenaan dalam membangunkan pertanian di negeri itu.

Penyelesaian 360 darjah untuk petani

Dalam membuka akses pasaran serta solusi pembiayaan kepada petani, AgriData, yang beribu pejabat di Penampang, Sabah, merupakan syarikat Bumiputera yang menawarkan penyelesaian lengkap menerusi platform Ag-Fund, Ag-Spark dan Ag-Market khusus untuk tujuan tersebut.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Matthew Johnny Kulai, platform Ag-Fund membantu para petani mengesan pendapatan dan pengeluaran hasil

sekali gus membesarkan aktiviti mereka pada tahap yang lebih baik.

Sementara itu, platform Ag-Spark pula katanya berfungsi sebagai pusat pukat untuk memastikan anak benih berkualiti tinggi, pembungkusan yang betul dan mampu memanjangkan jangka hayat produk di rak-rak jualan.

"Bagi platform Ag-Market, ia berfungsi sebagai pusat pengedaran kepada pembeli. Kami mengumpul data pertanian melalui semua aktiviti untuk membina model ramalan yang membantu dalam membuat keputusan strategik untuk petani," katanya.

Menurutnya, ketiga-tiga platform tersebut memudahkan para petani untuk memfokuskan kepada aktiviti mereka sepenuhnya tanpa perlu dibang dengan akses pasaran, pendapatan dan pengeluaran.



Nazrul Hazeri (kanan) merancang memanfaatkan geran KIIC 2023 untuk memperingkatkan keupayaan aplikasi yang sedia ada selain usaha promosi.



Matthew (tengah) menyampaikan penghargaan daripada AgriData kepada Pengarah Urusan Khazanah Nasional, Datuk Amirul Fatah Wan Zahari.



Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Yaib (dua dari kiri) meninjau projek ladang kolaborasi AgriData di Sabah.

INFO:

BRAINTREE TECHNOLOGIES SDN BHD

- Ketua Pegawai Eksekutif: Arif Makhdzir.
- Teknologi dihasilkan: Jentera robot pandu sendiri INFINITY 01.
- Kegunaan:
 - Melaksanakan kerja-kerja menabur baja tanaman.
 - Mengurangkan kos operasi ladang.
 - Meningkatkan kecekapan pengurusan ladang.



KAPITANI SDN BHD

- Pengasas bersama: M Nazrul Hazeri Nazrimuddin.
- Teknologi dibangunkan: Aplikasi TaniOS, Analitik dan TaniPASAR.
- Kegunaan:
 - Aplikasi TaniOS dan Analitik:
 - Pertanian digital untuk pengurusan, perancangan, penyimpanan rekod ladang dan pelaporan myGAP.
 - Aplikasi TaniPASAR:
 - Platform pemasaran khusus untuk produk myGAP yang memudahkan hubungan pasaran yang selamat.



AGRIDATA PORTAL SDN BHD

- Ketua Pegawai Eksekutif: Matthew Johnny Kulai.
- Teknologi dibangunkan: Platform Ag-Fund, Ag-Spark dan Ag-Market.
- Kegunaan:
 - Ag-Fund:
 - Membantu dalam mengesan pendapatan dan pengeluaran petani.
 - Ag-Spark:
 - Berfungsi sebagai pusat pukat untuk memastikan anak benih berkualiti tinggi dan pembungkusan yang betul bagi meningkatkan jangka hayat produk.
 - Ag-Market:
 - Platform pengedaran hasil pertanian.



KIIC 2023

- KIIC 2023 adalah inisiatif di bawah Dana Impak, salah satu tonggak utama di bawah strategi Memajukan Malaysia yang dilaksanakan oleh Khazanah Nasional.
- KIIC 2023, dengan tema "Menangani Cabaran iklim demi Ketenteraman Makanan di Malaysia", menarik penglibatan syarikat pemula agrimakanan dan PMKS yang inovatif untuk menangani secara aktif permasalahan yang berpunca daripada perubahan iklim terhadap sektor agrimakanan.

DANA IMPAK

- Dana Impak adalah peruntukan RM6 bilion untuk tempoh lima tahun, mengutamakan pelaburan yang meningkatkan daya saing dan daya tahan negara dalam persekitaran global yang mencabar.
- Tumpuan kepada enam tema berdasarkan isu dan cabaran yang dihadapi negara iaitu Masyarakat Digital dan Hab Teknologi, Kesihatan Berkualiti, Pendidikan Untuk Semua, Pekerjaan Baik dan Mobiliti Sosial, Jaminan Makanan dan Tenaga serta Membina Ketahanan iklim dan Pensaingan di Pasaran Global.
- Dana Impak juga mengutamakan penciptaan nilai sosial dan ekonomi secara jangka panjang untuk rakyat Malaysia.